



## PENGAMATAN

### *(Dari Mendengar kepada Tindakan)*

#### **Kembali kepada Kumpulan besar**

Kembali kepada kumpulan yang lebih besar. Setiap kumpulan kecil dijemput untuk berkongsi secara ringkas sudut pandangan "Kita", memfokuskan pada apa yang mereka rasa Roh Kudus menjemput mereka.

Bersama-sama sebagai KED, kenal pasti "Bergerak ke Tindakan," yang mudah untuk membantu Firman berakar umbi dalam kehidupan seharian.

Sebagai contoh:

- Sebagai individu, untuk menjadi lebih prihatin terhadap penggunaan dan pembaziran dalam kehidupan seharian.
- Sebagai keluarga, amalkan satu tabiat mudah yang mengurangkan kemudaratan kepada alam sekitar.
- Sebagai KED, untuk menyokong inisiatif ekologi kecil dalam kariah atau jiran- tetangga.

#### **Doa Umat**

Fasilitator menjemput semua untuk menyuarakan niat ringkas, sebagai contoh:


"Tuhan, bantu saya untuk ..."

**Sahutan:** "Tuhan, dengarkanlah doa kami."

Akhiri sesi dengan Doa Bapa Kami, Kemuliaan kepada Bapa, dan Salam Damai.

#### **Lagu Penutup:**

Mana-mana lagu yang sesuai boleh dinyanyikan atau dimainkan.



Diterbitkan oleh:  
Peninsular Malaysia  
Pastoral Team

Emel:  
api@archkl.org

EDARAN DALAMAN SAHAJA

Mac 2026

# KED Renungan

**BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK**

*Umat Untuk Pemuridan Misionari*

**FOKUS BULANAN  
DAN RASIONAL:**



**K**ita semua berkongsi planet yang sama. Ciptaan bukan sesuatu yang terpisah daripada kita, tetapi rumah yang kita diami bersama. Cara kita hidup, menggunakan sumber, dan berhubung dengan ciptaan bukan sahaja mempengaruhi alam sekitar, tetapi juga sesama manusia serta generasi akan datang.

Gereja mengajar bahawa penjagaan terhadap ciptaan merupakan sebahagian daripada panggilan hidup Kristian kita. Ciptaan ialah anugerah yang diamanahkan kepada kita, bukan sesuatu yang kita miliki atau eksploitasi sesuka hati. Apabila kita melupakan hal ini, hubungan dengan ciptaan, dengan sesama manusia, dan dengan Allah menjadi terjejas.

Pertobatan ekologi mengundang kita untuk memperbaharui hubungan kita dengan ciptaan dengan mengamalkan cara hidup yang lebih sederhana. Ini bukan bererti kita perlu melakukan semuanya dengan sempurna, tetapi menjadi lebih sedar tentang bagaimana pilihan harian kita sama ada menjaga atau merosakkan rumah bersama kita.

Pada bulan ini, kita merenungkan bagaimana gaya hidup peribadi dan komuniti kita dapat mencerminkan pengurusan yang bertanggungjawab serta membantu memulihkan keharmonian dengan ciptaan.

## MENEMUKAN

### Lagu Pembukaan

Cadangan:  
“*Joyful, Joyful, We Adore Thee*”  
(tune: Beethoven’s Ode to Joy),  
atau satu lagi lagu pujian dan  
syukur yang biasa tentang ciptaan.

### Doa Pembukaan

Allah Pencipta,  
Engkau telah mengamanahkan  
bumi ini kepada jagaan kami  
dan memanggil kami untuk hidup  
dalam keharmonian dengan segala  
yang telah Engkau ciptakan.

Bukalah mata kami untuk melihat  
ciptaan sebagai anugerah, dan hati  
kami untuk menanggapinya  
dengan rasa syukur serta  
tanggungjawab.

Ajarlah kami untuk hidup dengan  
sederhana, menggunakan apa  
yang kami perlukan dengan penuh  
tanggungjawab, dan menghormati  
keindahan serta batas rumah  
bersama kami.

Semoga pilihan hidup kami  
mencerminkan kasih kami  
kepada-Mu, kepada sesama, dan  
kepada generasi akan datang.

Kami mohon ini melalui Kristus  
Tuhan kami. Amin.

### Laluan Pastoral

Memulihkan rumah bersama kita bermula  
dengan memperbaharui hubungan kita  
dengan ciptaan. Pertobatan ekologi bukan  
sahaja tentang melindungi alam semula  
jadi, tetapi juga tentang mengubah cara  
kita hidup. Ia mengajak kita merenungkan  
tabiat penggunaan, pembaziran dan  
kecenderungan kepada kemudahan dalam  
kehidupan harian.

Mengamalkan gaya hidup sederhana  
merupakan ungkapan pengurusan yang  
bertanggungjawab. Kesederhanaan  
membantu kita mengenal pasti apa yang  
benar-benar perlu dan membebaskan kita  
daripada keterlebihan. Ia mengajak kita  
menggunakan sumber dengan bijaksana,  
mengurangkan pembaziran, dan  
menghargai anugerah ciptaan tanpa  
menganggapnya sebagai sesuatu yang  
sudah pasti.

Menjaga ciptaan ialah tanggungjawab  
bersama. Melalui pilihan kecil tetapi  
konsisten, keluarga, KED dan komuniti  
paroki dapat menyumbang kepada  
pemulihan rumah bersama kita. Dengan  
cara ini, penjagaan ekologi menjadi  
ungkapan nyata iman yang dihayati dalam  
kehidupan harian.



## KITAB SUCI

### Roma 8:19–22

Sebab dengan sangat rindu seluruh makhluk menantikan saat anak-anak Allah dinyatakan. Kerana seluruh makhluk telah ditaklukkan kepada kesia-siaan, bukan oleh kehendaknya sendiri, tetapi oleh kehendak Dia, yang telah menaklukkannya, tetapi dalam pengharapan, kerana makhluk itu sendiri juga akan dimerdekakan dari perbudakan kebinasaan dan masuk ke dalam kemerdekaan kemuliaan anak-anak Allah

*Berhentilah sejenak dalam keheningan doa untuk merenungkan teks ini dalam terang hubungan kita dengan ciptaan dan cara hidup kita.*

## BERDIALOG

### (Perbualan dalam Roh)

Soalan untuk Perbualan dalam Roh:

Pertimbangkan diskusi kita berkenaan penjagaan ciptaan dan bacaan kitab suci, bagaimana kita meneruskan penjagaan rumah kita bersama?

*Bentuk kumpulan kecil 4 hingga 6 orang. Ikuti tiga pusingan perkongsian. Luangkan satu minit senyap antara setiap perkongsian.*

**Pusingan 1 – Perspektif “Saya”** (Datang bersedia untuk masa hening. Semua dijemput untuk berkongsi tetapi hanya sekali dalam tempoh kurang daripada dua minit. Tidak mengulas tentang perkongsian orang lain)

- Apakah yang paling bergema dengan anda? Apa yang mencabar untuk anda? Apa yang memberi inspirasi kepada anda?

*(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)*

### Pusingan – Perspektif “Kamu dan Saya”

*(Kini peserta dijemput untuk respon kepada perkongsian yang lain. Setiap orang berkongsi sekali, respon sesuatu tentang apa yang mereka dengar yang dikongsi oleh ahli lain)*

Setelah mendengarkan dari orang lain:

- Apa yang paling bergema dengan anda? Apa yang mencabar untuk anda? Apa yang memberi inspirasi kepada anda?

**Pusingan 3 – Perspektif “Kita”** (Kini fasilitator atau ketua menjemput semua untuk mencapai kata sepakat atau persetujuan bersama tentang perkara yang dikongsi)

Fasilitator boleh bermula dengan berkata....

- ...setelah mendengar dari orang lain, apakah yang Roh Kudus.....

*(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)*